

Newspaper	Berita Harian
Date	22/7/2014

Oleh Hardi Effendi Yaacob, Mohd Hamizar Hamid, Mohd Azrone Sarabatin, Haika Khazi, Nahar Tajri, Petah Wazzan Iskandar, M Hifzuddin Ikhsan, Zanariah Abdul Mutalib, Sophia Ahmad, Lum Chee Hong, Nor Azizah Mokhtar, Mohd Nasaruddin Parzi, Farah Marshita Abdul Patah, Syalikh Saizli, Ahmad Ismail, Yahya Awang, Syafiq Aznan, Nor Hana Kadri, Maryanah Martin dan Nuryanti M Nur bhnews@bh.com.my

Najib, Borodai berunding

(BH - 22/7/2014)

» *Mayat warga Malaysia dibenar bawa keluar dari kawasan konflik*

Putrajaya

Kumpulan yang menguasai kawasan pesawat MH17 jatuh ditembak, bersetuju menyerahkan dua kotak hitam kepada Malaysia selain membenarkan mayat mangsa dibawa keluar dari-pada kawasan berkenaan.

Selain itu, pasukan penyiasat bebas antarabangsa diberi jaminan akses selamat bagi memulakan siasatan penuh di kawasan kejadian.

Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bercakap sendiri dengan ketua kumpulan berkenaan, Alexander Borodai malam tadi.

Najib berkata, sejak beberapa hari lalu kerajaan berusaha di belakang tabir untuk menghubungi kumpulan yang menguasai kawasan kejadian itu.

"Hubungan kini dicapai. Dalam keadaan sukar dan berubah-ubah, kami berbincang

masalah yang membelenggu kita semua; mendapatkan bukti penting daripada pesawat, melancarkan penyiasatan bebas, dan mendapatkan semula mayat mangsa.


Capai persetujuan

"Pada malam ini (tadi), kami mencapai persetujuan mengenai perkara itu," katanya pada sidang akhbar di Seri Perdana malam tadi.

Najib berkata, melalui perjanjian itu semua 282 mayat yang kini berada di Torez akan dibawa menggunakan kereta api ke Kharkev sebelum diterbangkan ke Amsterdam menggunakan pesawat pengangkut C130 Hercules milik Belanda.

"Kereta api membawa mayat penumpang MH17 akan diiringi enam anggota pasukan penyelamat Malaysia sebelum diterbangkan ke Amsterdam. Mayat rakyat Malaysia kemudian akan dibawa pulang selepas kerja forensik selesai.

"Dua kotak hitam pesawat MH17 akan diserahkan kepada pasukan penyelamat Malaysia yang baru tiba di Donetsk pada jam 9 malam waktu Ukraine dengan jaminan keselamatan ke atas pasukan penyiasat antarabangsa turut dibenarkan masuk ke lokasi tragedi," katanya.



Najib menghubungi Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte mengenai perkembangan terkini tragedi MH17, malam tadi.

[FOTO BERNAMA]

Perdana Menteri berkata, walaupun tiga persetujuan itu sudah dicapai, ada beberapa langkah perlu diselesaikan.

"Usaha diteruskan, ia bergantung kepada hubungan berterusan secara baik. Borodai dan kumpulannya, memberi kerjasama baik," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak dapat memberi kerjasama bagi memasti-

kan perjanjian itu dihormati, mayat rakyat Malaysia dikembalikan, kotak hitam diserahkan dan pasukan penyiasat bebas antarabangsa diberi akses penuh ke kawasan kejadian.

"Kita perlu mengetahui apa yang menyebabkan pesawat MH17 terhempas dan siapa yang bertanggung jawab agar keadilan dapat ditegakkan," katanya.